



PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
TERENGGANU
TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN
20576 KUALA TERENGGANU
TERENGGANU DARUL IMAN



Tel: 09-623 1957 samb. 6335 - 6343 / 6411 - 6424
Faks: 09-622 9887 / 09-631 0078
Laman Web: <http://ptgweb.terengganu.gov.my>
Emel: ptglrg@terengganu.gov.my

PTG.TR. G/05/1998/06/05 - (21)

Bertarikh : 15 April 2021

Bersamaan : 03 Ramadhan 1442

- SEBAGAIMANA SENARAI EDARAN -

Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BIL. 3 / 2021

**PENGESYORAN / KEPUTUSAN PENTADBIR TANAH TERHADAP
PERMOHONAN MEMINDAH MILIK, MENGGADAI ATAU MEMAJAK TANAH
PEGANGAN DESA MILIK PENEROKA DI BAWAH AKTA TANAH (KAWASAN
PENEMPATAN BERKELOMPOK), 1960 (GSA)**

Di hantar pada.....

Tandatangan.....

Kerani Despach
Pejabat Pengarah Tanah & Galian
Terengganu

1. TUJUAN

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan berhubung penyeragaman terhadap **pengesyoran/keputusan** Pentadbir Tanah mengenai permohonan yang diterima daripada peneroka bagi tujuan kebenaran untuk menggadaikan, memajak, memindah milik lebih dari dua (2) orang atau memindah milik kepada orang yang tidak dibenarkan di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok), 1960 (GSA) bagi tanah-tanah pegangan desa.

2. LATAR BELAKANG

2.1. Mesyuarat Pengarah Tanah Malaysia (PTM) Bilangan 1 Tahun 2021 yang diadakan pada 01 Mac 2021 telah dibangkitkan isu Tanah Pegangan Desa milik peneroka di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok), 1960 (GSA) yang **digadai dan dilelong**.

...2/

PROFESIONAL, TOLERANSI DAN GEMILANG TERAS KEJAYAAN PTG.TR. G/05/1998/06/05 - (21)



Beautiful Terengganu
Malaysia

- 2.2. Tanah-tanah pegangan desa yang diberi milik kepada peneroka FELDA atau FELCRA atau Rancangan Tanah Pinggir Negeri yang didaftarkan sebagai pegangan desa bagi kawasan penempatan desa yang diisyitiharkan di bawah Seksyen 5 Akta GSA, 1960. Sejak kebelakangan ini pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) mendapati bahawa terdapat kes-kes dimana tanah-tanah milik peneroka yang digadai telah dilelong oleh pihak bank kerana peneroka **tidak membayar balik pinjaman**. Didapati juga bahawa **pembeli/penyambut lelong** adalah terdiri daripada **individu yang tidak mendapat kelulusan** dari Pihak Berkuasa Negeri (PBN).
- 2.3. Di bawah Akta GSA 1960, terdapat sekatan terperinci di bawah Seksyen 19 berhubung orang yang boleh diberi milik tanah. Justeru itu, **bukan semua orang** boleh atau layak diberi milik tanah atau mendapat hakmilik tanah pegangan desa ini.
- 2.4. Walau bagaimanapun disebabkan pendaftaran Sekatan Kepentingan ke atas tanah-tanah GSA milik peneroka adalah umum, sebagai contoh "*tanah ini tidak boleh dipindah milik, digadai atau dipajak kecuali mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri*" maka terdapat peneroka memohon kebenaran untuk menggadai tanah tersebut. Sekiranya peneroka tidak mampu membayar balik pinjaman maka tanah tersebut akhirnya terpaksa dilelong.

- 3 -

- 2.5. Di bawah Akta GSA 1960, sekatan tersirat ke atas tanah-tanah pegangan desa adalah tanah-tanah tersebut **tidak boleh digadai**. Selagi tanah di bawah GSA, sekatan-sekatan yang dikenakan di bawah Akta GSA seperti pajakan, pajakan kecil, pecah sempadan, pecah bahagian dan pindah milik masih terpakai. Manakala khusus bagi pindah milik ianya hendaklah **tidak lebih kepada dua (2) orang** dan kepada **waris-waris kadim sahaja**.

- 2.6. Justeru itu, Mesyuarat PTM telah memutuskan supaya semua PTG Negeri dapat mengeluarkan satu arahan kepada semua Pentadbir Tanah bahawa **sekiranya menerima permohonan-permohonan daripada peneroka untuk menggadaikan, memajak, memindah milik lebih dari dua (2) orang atau memindah milik kepada orang yang tidak dibenarkan di bawah Akta GSA bagi tanah-tanah pegangan desa ini maka permohonan tersebut hendaklah DITOLAK**. Ini bagi mengelakkan tanah-tanah di bawah GSA ini dimiliki oleh orang-orang yang tidak berkaitan/tidak berkelayakan.

3. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

Arahan ini hendaklah digunakan di seluruh Pejabat-Pejabat Tanah dalam Negeri Terengganu **berkuatkuasa** daripada tarikh arahan ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA”

“PRIHATI RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(TENGKU SERI BIJAYA RAJA)

Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.

s.k.

Yang Berhormat
Setiausaha Kerajaan Negeri
TERENGGANU

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian,
(Pembangunan)
TERENGGANU

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian,
(Pendaftaran)

TERENGGANU

Ketua Penolong Pengarah Tanah dan Galian,
(Pendaftaran dan Hakmilik)

TERENGGANU

Penolong Pengarah Tanah dan Galian,
(Pelupusan Tanah / Galian)

TERENGGANU

Penolong Pengarah Tanah dan Galian,
(Hasil)

TERENGGANU

Penolong Pengarah Tanah dan Galian,
(Penguatkuasaan dan Teknikal)

TERENGGANU

Penolong Pengarah Tanah dan Galian,
(Hakmilik Strata)

TERENGGANU

Pegawai Undang-Undang
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
TERENGGANU

Fail PTG.TR.AA/04/1987/02/26



09-6276334



azlan_mohamad@terengganu.gov.my

ARAHAH PTG BIL.3 TAHUN 2021 pendrive) - 08/04/2021

SENARAI EDARAN

**Pentadbir Tanah
Kuala Terengganu**

**Pentadbir Tanah
Kemaman**

**Pentadbir Tanah
Dungun**

**Pentadbir Tanah
Besut**

**Pentadbir Tanah
Hulu Terengganu**

**Pentadbir Tanah
Marang**

**Pentadbir Tanah
Setiu**

**Pentadbir Tanah
Kuala Nerus**